



# UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA

Akta 27

AKTA EJENSI PERSENDIRIAN, 1971

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 24hb April, 1971

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 29hb April, 1971

UNIVERSITI  
MALAYSIA MALAKA

# UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA

## Akta 27

### AKTA EJENSI PERSENDIRIAN, 1971

#### SUSUNAN SEKSHEN<sup>2</sup>

---

##### Sekshen

1. Tajok ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Mengeluarkan lesen<sup>2</sup>.
4. Pembatalan, pemotongan atau penggantungan lesen.
5. Senarai hendak-lah di-siarkan.
6. Peruntukan khas berhubung dengan kesalahan boleh di-tangkap.
7. Kertas pengenalan.
8. Kuasa pegawai polis untok memeriksa.
9. Pekerja<sup>2</sup> ejensi persendirian berlesen.
10. Unifom, lenhana atau lambang.
11. Kuasa untok masuk dan mengeledah premis sa-suatu ejensi persendirian berlesen.
12. Kuasa untok masuk dan mengeledah premis yang di-shaki di-gunakan oleh ejensi persendirian yang tidak berlesen.
13. Kenyataan palsu.
14. Penalti am.
15. Kesalahan boleh di-tangkap.
16. Tanggongan pengarah. dsb.
17. K u a s a Menteri untok mewakilkan kuasa dan kewajipan.
- IX. Kuasa membuat kaedah<sup>2</sup>.
19. Perkechualian.
20. Pemansokhan.

## UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA

### Akta 27

#### AKTA EJENSI PERSENDIRIAN, 1971

Suatu Akta bagi mengawal urusan ejensi persendirian.

[30hb April, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG<sup>2</sup> oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parli men, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Ejensi Persendirian, 1971, dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia. Tajok ringkas dan pemakaian.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain— Fafsiran.

“urusan ejensi persendirian” erti-nya urusan atau aktiviti<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh sa-saorang bagi maksud—

(a) mengadakan pengawal dan perlindungan bagi keselamatan dari sa-orang lain atau bagi keselamatan harta atau urusan orang lain itu; atau

(b) mendapatkan dan memberi maklumat mengenai kelakuan, aktiviti<sup>2</sup> atau hal ehwal sa-orang lain;

“surat kelulusan” erti-nya surat kelulusan yang di-keluar-kan di-bawah sekshen 9;

“ejensi persendirian berlesen” erti-nya ejensi persendirian yang telah di-keluarkan lesen bagi urusan-nya di-bawah sekshen 3;

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggungjawab atas keselamatan dalam negeri; dan, jika Menteri telah mewakilkan mana<sup>2</sup> atau semua daripada kuasa dan kewajipan-nya di-bawah sekshen 17, maka perbahaasan “Menteri” itu termasuk-lah, sa-takat mana kuasa dan kewajipan itu telah di-wakilkan, sa-saorang yang telah di-wakilkan dengan kuasa atau kewajipan itu;

“ejensi persendirian” erti-nya sa-saorang yang menjalankan urusan ejensi persendirian sa-bagaimana yang di-taarifkan di-atas;

“ejensi persendirian tidak berlesen” erti-nya e j e n s i persendirian yang tidak di-keluarkan lesen bagi urusan-nya di-bawah sekshen 3.

Mengeluarkan lesen<sup>2</sup>.

3. (1) Tiada sa-saorang boleh menjalankan urusan ejensi persendirian kechuali menurut dan mengikut suatu lesen yang di-keluarkan oleh atau bagi pihak Menteri dan melainkan suatu deposit mengenai urusan itu telah di-bayar mengikut sa-bagaimana yang di-peruntukkan oleh atau di-bawah sekshen-kecil (3).

(2) Sa-saorang yang hendak menjalankan urusan ejensi persendirian hendak-lah memohon kepada Menteri untuk mendapatkan suatu lesen dan tertaklok kepada peruntukan<sup>2</sup> sekshen-kecil yang berikut. Menteri boleh mengeluarkan lesen itu atau enggan mengeluarkannya; dan apabila mengeluarkan lesen itu atau membaharui-nya di-bawah sekshen-kecil (4) Menteri boleh mengenakan syarat<sup>2</sup> ka-atas lesen itu sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan<sup>2</sup> Akta ini.

(3) Tiada sa-suatu lesen boleh di-keluarkan di-bawah Akta ini atau jika di-keluarkan, tiada apa<sup>2</sup> urusan ejensi persendirian boleh di-jalankan, melainkan suatu deposit sa-banyak mana dan mengikut chara sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Menteri telah di-bayar, di-simpan dan sentiasa tersimpan dengan Akauntan Negara.

(4) Ada-lah menjadi suatu syarat bahawa sa-belutn sa-suatu lesen di-keluarkan di-bawah sekshen ini pemohon hendak-lah membayar bayaran yang di-tetapkan oleh Menteri dan lesen itu hendak-lah habis tempoh-nya tidak lewat daripada akhir tahun kalendar lesen itu bermula. tetapi boleh di-baharui tiap<sup>2</sup> tahun dengan membayar bayaran yang tersebut di-atas it it.

(5) Menteri boleh dengan perintah mengechualikan mana<sup>2</sup> orang atau golongan orang daripada peruntukan<sup>2</sup> sekshen ini.

Pembatalan, pemotongan atau penggantungan lesen.

4. (1) Jika pada pendapat Menteri sa-suatu ejensi persendirian berlesen ada-lah menjalankan urusan-nya atau mengambil bahagian dalam aktiviti<sup>2</sup> atau urusan-nya adalah di-gunakan bagi sa-suatu maksud yang mudharat kepada keamanan, kebajikan dan ketenteraman dalam Persekutuan, atau ada-lah melanggar sa-suatu peruntukan Akta ini atau mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis yang lain, maka

tertaklok kepada peruntokan<sup>2</sup> sekshen-kechil (4) Menteri boleh membatalkan atau memotong atau menggantung lesen yang di-kuasakan kepada ejensi persendirian berlesen itu.

(2) Jika pembatalan, pemotongan atau penggantungan sa-suat u lesen di-bawah sekshen ini di-buat oleh sa-saorang yang telah di-wakulkan oleh Menteri di-bawah sekshen ini dengan kuasa-nya menurut sekshen 17, sa-suat u ejensi persendirian berlesen yang tidak puashati dengan pembatalan, pemotongan atau penggantungan lesen-nya itu boleh merayu kepada Menteri dalam masa 14 hari sa-lepas pembatalan, pemotongan atau penggantungan itu.

(3) Keputusan Menteri membatalkan, memotong atau nienggantung lesen di-bawah sekshen-kechil (1) atau keputusan yang di-buat atas sa-suat u rayuan di-bawah sekshen-kechil (2) ada-lah muktamad dan tidak boleh di-persoal dalam mana<sup>2</sup> mahkamah.

(4) Sa-belum membatalkan, memotong atau menggantung sa-suat u lesen. Menteri hendak-lah memberi peluang kepada ejensi persendirian berlesen yang berkenaan itu menunjukkan sebab mengapa lesen itu tidak patut di-batalkan, di-potong atau di-gantung, mengikut mana yang berkenann.

(5) Jika lesen sa-suat u ejensi persendirian di-batalkan, di-potong atau di-gantung di-bawah sekshen ini, deposit yang di-simpan di-bawah peruntokan<sup>2</sup> sekshen-kechil (3) sekshen 3 hendak-lah di-rampas oleh Kerajaan dan di-masukkan ka-dalam Kumpulanwang Disatukan.

5. Menteri hendak-lah, dalam bulan Mach tiap<sup>2</sup> tahun, mengarah supaya di-siarkan dalam *Warta* suatu senarai ejensi<sup>2</sup> persendirian berlesen, dan tambahan<sup>2</sup> kepada dan potongan<sup>2</sup> daripada senarai itu hendak-lah di-siarkan dari sa-masa ka-samasa apabila tambahan<sup>2</sup> atau potongan<sup>2</sup> itu di-buat.

Senarai  
hendak-lah  
di-siarkan.

6. Tiada apa<sup>2</sup> jua dalam Akta ini menghakkan sa-suat u ejensi persendirian berlesen menyiasat berkenaan dengan sa-suat u kesalahan boleh di-tangkap dan jika dalam masa perjalanan urusan atau sa-lain-nya sa-suat u ejensi persendirian berlesen, atau pekerja<sup>2</sup>-nya mendapat sa-suat u maklumat berhubung dengan sa-suat u kesalahan boleh di-tangkap (sama ada telah di-lakukan atau akan di-lakukan) ejensi persendirian berlesen itu atau pekerja<sup>2</sup>-nya itu hendak-lah menyampaikan maklumat itu k a p a d a sa-saorang pegawai polis atau membuat laporan di-balai polis yang hampir sa-kali.

Peruntokan  
khas  
berhubung  
dengan  
kesalahan  
boleh  
di-tangkap

Kertas  
pengenalan.

7. (1) Tiap<sup>2</sup> ejensi persendirian berlesen hendak-lah mengada dan mengeluarkan kepada pekerja<sup>2</sup>-nya kertas<sup>2</sup> pengenalan mengikut bentuk dan mengandongi butir<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Menteri.

(2) Tiap<sup>2</sup> pekrja sa-suatu ejensi persendirian berlesen hendak-lah sentiasa membawa kertas pengenalan dan menunjukkan-nya untok di-pereksa apabila di-kehendaki oleh sa-saorang pegawai polis dan hendak-lah menyerahkan kembali kertas pengenalan itu kepada ejensi persendirian berlesen itu apabila berhenti bekerja.

Kuasa  
pegawai  
polis untok  
memeriksa.

8. Sa-saorang pegawai polis boleh memeriksa kertas<sup>2</sup> pengenalan yang di-keluarkan di-bawah sekshen 7 dan boleh juga memeriksa lesen yang di-keluarkan di-bawah sekshen 3.

Pekerja<sup>2</sup>  
ejensi  
persendirian  
berlesen.

9. (1) Tiada sa-saorang boleh di-ambil bekerja dalam apa<sup>2</sup> jua jawatan oleh sa-suatu ejensi persendirian berlesen melainkan suatu surat kelulusan telah di-keluarkan mengenai orang itu oleh Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis.

(2) Sa-suatu ejensi persendirian berlesen yang hendak mengambil bekerja sa-saorang hendak-lah memohon suatu surat kelulusan daripada Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di-mana orang itu biasa-nya tinggal atau, jika ia biasa-nya tinggal di-luar Malaysia, kepada Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di-mana ejensi persendirian berlesen itu mempunyai pejabat berdaftar-nya, dan permohonan itu hendak-lah mengikut bentuk dan mengandongi butir<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Menteri.

(3) Apabila sa-suatu permohonan untok surat kelulusan di-terima, Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis boleh sa-lepas menjalankan siasatan<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya sesuai, mengeluarkan suatu surat kelulusan.

(4) Bagi maksud menjalankan siasatan<sup>2</sup> di-bawah sekshen-kechil (3), Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis boleh menghendaki orang yang hendak di-ambil bekerja i t u supaya patoh kepada segala langkah y a n g menasabah perlu bagi mengambil dan merekodkan chap jari-nya.

(5) Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis boleh enggan mengeluarkan sa-suatu surat kelulusan.

(6) Sa-saorang yang permohonan-nya untok surat kelulusan telah di-tolak boleh merayu kapada Menteri dalam masa 14 hari sa-lepas tarikh penolakan itu dan Menteri boleh mengesahkan keputusan itu atau mengarahkan supaya surat kelulusan di-keluarkan.

(7) Keputusan Menteri atas sa-suatu rayuan di-bawah sekshen-kechil (6) ada-lah muktamad.

10. Tertaklok kapada mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> berhubong dengan unifom, lenchana atau lambang, sa-suatu unifom, lenchana atau lambang yang di-chadang untok di-pakai oleh pekerja<sup>2</sup> ejensi persendirian berlesen hendak-lah terlebih dahulu diluluskan oleh Menteri.

Unifom,  
lenchana  
atau  
lambang.

11. (1) Jika Menteri ada sebab bagi memperchayai bahawa sa-suatu ejensi persendirian berlesen ada-lah menjalankan urusan-nya atau mengambil bahagian dalam aktiviti<sup>2</sup> atau bahawa urusan-nya ada-lah di-gunakan bagi maksud yang mudharat kapada keamanan, kebajikan dan ketenteraman dalam Persekutuan, Menteri boleh memberikuasa dengan bertulis kapada sa-saorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa untok memasuki mana<sup>2</sup> tempat yang Menteri ada sebab bagi memperchayai di-gunakan sa-bagai tempat perjumpaan atau urusan ejensi persendirian itu.

Kuasa  
untok  
masuk dan  
meng-  
geledah  
premis  
sa-suatu  
ejensi  
persendirian  
berlesen.

(2) Sa-saorang pegawai yang di-berikuasa menjalankan kuasa<sup>2</sup> masuk di-bawah sekshen ini boleh, tanpa waran dan dengan bantuan atau dengan tiada bantuan dan dengan menggunakan kekerasan bagi maksud itu jika perlu, masuk ka-dalam tempat itu dan boleh menggeledah tempat itu dan merangai sa-siapa jua yang di-jumpai di-dalam-nya atau yang lari dari tempat itu :

Dengan syarat bahawa tiada sa-saorang perempuan boleh di-rangai di-bawah sekshen-kechil ini kechuali oleh sa-orang perempuan.

(3) Sa-saorang pegawai yang di-berikuasa menjalankan kuasa<sup>2</sup> masuk di-bawah sekshen ini boleh mengambil apa<sup>2</sup> surat atau benda lain yang di-perchayai-nya dengan menasabah sa-bagai menjadi atau sa-bagai mengandongi keterangan berhubong dengan urusan atau aktiviti<sup>2</sup> yang tersebut dalam sekshen-kechil (1).

(4) Tiada apa<sup>2</sup> jua dalam sekshen ini boleh di-sifatkan sa-bagai menyentoh kuasa sa-saorang pegawai polis di-bawah peruntukan<sup>2</sup> Kanun Achara Jenayah atau mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis yang lain.



Kuasa  
untuk  
masuk  
dan meng-  
geledah  
premis yang  
di-shaki  
di-gunakan  
oleh ejensi  
persendirian  
tidak  
berlesen.

**12. (1)** Jika Menteri ada sebab bagi memperchayai bahawa urusan sa-suatu ejensi persendirian tidak berlesen adalah di-jalankan atau bahawa mana<sup>2</sup> buku, akaun atau lain<sup>2</sup> suratan ejensi persendirian tidak berlesen itu ada di-simpan atau di-depositkan dalam sa-suatu premis atau tempat, Menteri boleh memberikuasa dengan bertulis kepada sa-saorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa memasoki mana<sup>2</sup> premis atau tempat itu.

(2) Sa-saorang pegawai yang di-berikuasa menjalankan kuasa<sup>2</sup> masuk di-bawah seksyen ini boleh, tanpa waran dan dengan bantuan atau dengan tiada bantuan dan dengan menggunakan kekerasan bagi maksud itu jika perlu, masuk ka-dalam tempat itu dan boleh menggeledah tempat itu dan merangai sa-siapa jua yang di-jumpai di-dalam-nya atau yang lari dari tempat itu:

Dengan syarat bahawa tiada sa-saorang perempuan boleh di-rangai di-bawah seksyen-kecil ini kechuali oleh sa-orang perempuan.

(3) Sa-saorang pegawai yang di-berikuasa menjalankan kuasa<sup>2</sup> masuk di-bawah seksyen ini boleh mengambil apa<sup>2</sup> buku, akaun atau lain<sup>2</sup> suratan yang di-perchayai-nya dengan menasabah sa-bagai menjadi atau sa-bagai mengandongi keterangan berhubung dengan urusan sa-suatu ejensi persendirian tidak berlesen.

(4) Tiada apa<sup>2</sup> jua dalam seksyen ini boleh di-sifatkan sa-bagai menyentoh kuasa sa-saorang pegawai polis di-bawah peruntukan<sup>2</sup> Kanun Achara Jenayah atau mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis yang lain.

Kenyataan  
palsu.

**53.** Jika mana<sup>2</sup> orang

(a) memberi, berhubung dengan sa-suatu permohonan lesen di-bawah seksyen 3, butir<sup>2</sup> yang, menurut pengetahuan-nya, palsu atau mengelirukan tentang sa-suatu perkara matan; atau

(b) dengan tujuan hendak mendorong Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis memberi surat kelulusan, membuat sa-suatu kenyataan atau akuan yang, menurut pengetahuan-nya, palsu atau tidak betul, sama ada kesemua-nya atau sa-bahagian-nya, atau mengelirukan tentang sa-suatu perkara matan,

ia ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila dit habitkan, boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada dua

ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan atau kedua<sup>2</sup>-nya.

**14.** Sa-saorang yang melanggar peruntukan<sup>2</sup> A k t a ini atau mana<sup>2</sup> kaedah yang di-buat di-bawah-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan clan, apabila di-thabitkan, boleh di-kenakan denda tidak lebih daripada sa-puluh ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua<sup>2</sup>-nya. Penalti am.

**15.** Sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini ia-lah kesalahan boleh di-tangkap mengikut erti undang<sup>2</sup> berhubung dengan achara jenayah. Kesalahan boleh di-tangkap.

**16.** (1) Jika sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini telah di-lakukan oleh suatu kumpulan orang sama ada perbadanan atau tidak, sa-siapa jua yang pada masa kesalahan itu di-lakukan menjadi pengarah, pengurus, setiausaha atau sa-saorang pegawai lain yang sa-umpama-nya bagi kumpulan orang itu atau yang berupa sa-bagai menjalankan tugas dalam mana<sup>2</sup> jawatan itu, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah melakukan kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah di-lakukan dengan tiada persetujuan-nya atau dengan tiada di-biarkan oleh-nya, dan bahawa ia telah menjalankan usaha sa-bagai mana yang sa-patut di-jalankan oleh-nya bagi mencheegah kesalahan itu daripada di-lakukan memandang kapada jenis tugas<sup>2</sup>-nya dalam jawatan itu clan kapada segala hal keadaan. Tanggungan pengarah dsb.

(2) Sa-saorang yang mungkin bersalah atas suatu kesalahan, jika sa-suatu perkara di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh-nya sendiri, ada-lah bersalah atas kesalahan itu dan boleh di-kenakan penalti yang sama jika perkara itu di-lakukan atau tidak di-lakukan oleh kongsi, ejen atau penjawat-nya dalam masa urusan perkongsian atau dalam masa perjalanan kerja-nya, mengikut mana yang berkenaan, melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah di-lakukan dengan tidak sa-tahu-nya atau dengan tiada persetujuan-nya clan bahawa ia telah mengambil segala langkah yang menasabah untok mencheegah perkara itu daripada di-lakukan atau tidak di-lakukan :

Dengan syarat bahawa tiada apa<sup>2</sup> jua di-dalam ini boleh melepaskan kongsi, ejen atau penjawat itu daripada tanggungan di-dakwa.

Kuasa  
Menteri  
untuk  
mewakikan  
kuasa dan  
kewajipan.

17. (1) Menteri boleh, dengan bertulis, mewakikan semua atau mana<sup>2</sup> daripada kuasa dan kewajipan-nya di-bawah Akta ini atau di-bawah mana<sup>2</sup> kaedah yang di-buat di-bawah-nya kepada sa-saorang pegawai dalam perkhidmatan awam Persekutuan dan boleh pada bila<sup>2</sup> masa membatalkan perwakilan kuasa dan kewajipan itu.

(2) Tiada apa<sup>2</sup> perwakilan kuasa dan kewajipan di-bawah sekshen-kechil ( I ) boleh menyentoh perjalanan kuasa atau kewajipan itu oleh Menteri.

Kuasa  
membuat  
kaedah<sup>2</sup>.

18. Menteri boleh membuat kaedah<sup>2</sup> sa-chara am untuk melaksanakan peruntokan<sup>2</sup> Akta ini dan kaedah<sup>2</sup> itu boleh—

- (a) menetapkan bayaran<sup>2</sup> atau chaj yang perlu bagi maksud<sup>2</sup> Akta ini;
- (b) membuat peruntokan mengenai maklumat dan suratan<sup>2</sup> yang akan di-beri bagi maksud permohonan<sup>2</sup> lesen atau surat kelulusan;
- (c) membuat peruntokan mengenai hal mengambil dan merekodkan gambarfoto orang<sup>2</sup> yang memohon lesen atau surat kelulusan;
- (d) menetapkan jumlah dan jenis deposit yang akan di-simpan dengan Akauntan Negara di-bawah sekshen 3;
- (e) menetapkan bentuk lesen yang akan di-keluarkan di-bawah sekshen 3 dan bentuk kertas pengenalan di-bawah sekshen 7;
- (f) membuat peruntokan mengenai hal meluluskan unifom, lenchana atau lambang yang akan di-pakai oleh sa-saorang pekerja sa-suatu ejensi persendirian berlesen;
- (g) menetapkan daftar pekerja<sup>2</sup> yang akan di-senggara oleh sa-suatu ejensi persendirian berlesen dan membuat peruntokan mengenai pemereksaan-nya;
- (h) menetapkan bahawa sa-suatu perbuatan yang di-lakukan atau tidak di-lakukan bersalahan dengan peruntokan<sup>2</sup> mana<sup>2</sup> kaedah itu ada-lah menjadi suatu kesalahan;
- (i) mengadakan peruntokan<sup>2</sup> peralehan berhubung dengan urusan ejensi persendirian yang telah di-jalankan sa-belum Akta ini mula berkuatkuasa;
- (j) membuat peruntokan sa-chara am bagi maksud melaksanakan peruntokan<sup>2</sup> Akta ini.

